




# SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 10 Jamadilakhir 1444 / 03 Januari 2023

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, kadar purata kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam terus menunjukkan penurunan yang mana kadar purata kes COVID-19 dalam masa satu minggu kebelakang ialah 227 kes sehari, berbanding dengan kadar pada minggu sebelumnya iaitu 255 kes sehari. Sebanyak 27,710 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 5.7% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **tidak ada** di dalam Kategori 5 yakni yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **satu kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
  - ii) Sehingga kelmarin, 02 Januari 2023, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **79.0%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **11.6%** juga telah mendapatkan dos keempat.
2. Pada hari ini, sebanyak **389 kes baru** telah dilaporkan iaitu 388 kes hasil ujian ART dan 1 kes adalah hasil dari 62 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. Di dalam kesempatan ini, saya sebagai mewakili warga Kementerian Kesihatan ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas di atas semangat dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang telah sama-sama berusaha sehingga berjaya mencapai matlamat Cabaran 20 Bilion Langkah (*20 Billion Steps Challenge*). Sasaran tersebut telah dicapai tepat jam 7.20 malam pada 31 Disember 2022 melalui penyertaan lebih 74 ribu orang peserta dalam masa 145 hari 23 jam dan 59 minit sejak ia bermula pada 1 Oktober 2022. Jumlah mutakhir langkah yang dicatatkan apabila Cabaran tersebut menutup tirainya pada tengah malam hari berkenaan ialah sebanyak 20,128,540,942 langkah. Kejayaan ini seharusnya mendorong seluruh rakyat dan penduduk negara ini untuk terus aktif melakukan aktiviti-aktiviti kesukanan dan riadah bagi kesihatan bersama yang optima. Teruslah bergerak untuk kesihatan, setiap langkah adalah penting. *Every Little Move Counts!*
  
4. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 10 Jamadilakhir 1444H / 03 Januari 2023